



Pendidikan Islam di Malaysia: Analisis kepentingan penghayatan mazhab Syafie

Nornajwa Ghazali¹

¹Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, 31150 Hulu Kinta, Perak

Correspondence: Nornajwa Ghazali (email: nornajwa@ipip.edu.my)

Abstrak

Kuasa-kuasa kolonial ini bukan sahaja berhasrat menguasai pusat-pusat perdagangan dan perniagaan, sebaliknya mereka juga berazam untuk menukar agama orang Melayu daripada Islam kepada Kristian. Walau bagaimanapun misi ini gagal kerana masyarakat Islam ketika itu telah pun kuat berpegang kepada ajaran Islam khususnya pegangan terhadap *fiqh* mazhab Syafie yang tetap teguh dijadikan acuan hidup berpanjangan hingga ke hari ini. Bidang pendidikan Islam di Malaysia banyak merujuk kepada hukum hakam fekah bermazhab Syafie. Ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pegangan mazhab Syafie menjadi rujukan dan pegangan malah telah sebatu dalam amalan beragama masyarakat Islam Malaysia. Kajian kualitatif ini mengetengahkan faktor-faktor signifikan penghayatan mazhab Syafie dalam bidang pendidikan Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor sejarah, peranan pihak berkuasa agama, dan sosio-budaya kehidupan masyarakat Islam Malaysia adalah antara faktor penting menyumbang kepada peranan utama mazhab Syafie dalam bidang pendidikan Islam di Malaysia.

Katakunci: amalan keagamaan, *fiqh* syafie, Imam Syafi'i, kurikulum, mazhab Syafie, pendidikan Islam

Islamic education in Malaysia: Analysing the significance of appreciating the Shafi'i school

Abstract

Colonial powers in Malayan history were driven not only by their economic, military and political aspirations but also the religious mission of converting Malays from Islam into Christianity. Islamic education in Malaysia has always been influenced and shaped by a deference to the *fiqh* of the Shafi'i school making the school the most predominant guide in the Malays' overall religious belief and practices. This qualitative study examined the crucial factors that had resulted in the pivotal role and appreciation of the Shafi'i school in Malaysia's Islamic education. The findings revealed that historical factors, the role of religious authorities, and socio-cultural life of the Muslim community in Malaysia were among the key factors contributing to the leading role of the Shafi'i school in Malaysia's Islamic education.

Keywords: curriculum, Imam Shafi'i, Islamic education, religious practices, Shafi'i *fiqh*, Shafi'i school

Pengenalan

Subjek Pendidikan Islam adalah merupakan aspek terpenting dalam wacana pendidikan hari ini. Menurut Zaki Badawi MA (1992), para pendidik Islam bersetuju dengan sebulat suara bahawa tujuan pendidikan

ialah bukan menyumbat pemikiran murid dengan fakta semata-mata, tetapi menyediakan mereka untuk menjalani sebuah proses kehidupan yang murni dan jujur. Tanggungjawab yang total kearah pembinaan watak berdasarkan kepada keunggulan etika keislaman adalah matlamat tertinggi Pendidikan Islam.

Pendidikan Islam berorientasikan mazhab Syafie mulai masuk dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan apabila diluluskan Akta Pelajaran 1961 dan pada tahun 1964 Pendidikan Islam menjadi mata pelajaran wajib ke atas murid-murid yang beragama Islam. Keseimbangan mata pelajaran akademik dan Pendidikan Islam amat penting, setiap satunya lengkap melengkapi sama ada dari aspek sakhsiah, pengetahuan agama dan akademik, minda dan kerohanian, kemahiran serta amalan. Keseimbangandan penghayatan ini amat penting dalam sistem pendidikan arus perdana demi melahirkan produk modal insan yang memiliki kesepaduan ilmu, memahami ajaran Islam serta menghayatinya dalam cita-cita Malaysia menuju Negara maju tahun 2020.

Rujukan terhadap hukum hakam berasaskan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam tidak formal memang telah mengakar lama dalam masyarakat Melayu Islam Malaysia sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Kitab-kitab fekah bermazhab Syafie yang berbahasa Arab tersebar luas penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu Islam seperti kitab *Talkhis al- Minhaj* oleh Imam Mahy al-Din Abu Zakariya bin Syarf al-Nawawi.

Sorotan literatur

Berdasarkan kajian Mohd Lutfi (2013), hukum hakam berorientasikan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia amat berkait rapat dengan sejarah kedatangan awal pendakwah Islam yang banyak mencorakkan kecenderungan amalan masyarakat menurut mazhab Syafie. Hal ini dikuatkan lagi melalui penulisan Abdul Hadi (2003), yang menunjukkan pegangan umat Melayu Islam serta pegangan mereka terhadap *fiqh* mazhab Syafie ini telah lama bertapak kukuh sejak abad ke-14 merujuk kepada zaman Kerajaan Melayu Melaka. Masyarakat Melayu Islam menzahirkan penentangan terhadap kuasa-kuasa kolonial Eropah seperti Portugis dan Belanda semata-mata untuk mempertahankan negara dan Islam tercinta. Kuasa-kuasa kolonial ini bukan sahaja berhasrat menguasai pusat-pusat perdagangan dan perniagaan, sebaliknya mereka juga berazam untuk menukar agama orang Melayu daripada Islam kepada Kristian. Walau bagaimanapun misi ini gagal kerana masyarakat Islam ketika itu telahpun kuat berpegang kepada ajaran Islam khususnya pegangan terhadap *fiqh* mazhab Syafie yang tetap teguh dijadikan acuan hidup berpanjangan hingga ke hari ini.

Penggunaan karya-karya bermazhab Syafie dalam kehidupan masyarakat Islam Malaysia amat popular. Menurut kajian Auni Haji Abdullah (2005), karya-karya mazhab Syafie lain yang turut tersebar luas ialah kitab *Sirat al-Mustaqim* sebuah karya yang menghuraikan soal ibadat, sosial dan politik, ia ditulis berdasarkan kitab-kitab besar fekah mazhab Syafie seperti *Minhaj al-Talibin* oleh al-Nawawi, *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar dan *Nihayah al- Muhtaj* oleh al-Ramli. Kitab *Sabil al-Muhtadin* juga tersebar luas dan karya ini diminati oleh orang ramai kerana ia mudah difahami oleh orang awam dalam menghayati perkara-perkara ibadat. Sementara kitab *Furu' al-Masail* merupakan karya paling tebal sebanyak 667 halaman yang terdiri daripada 2 jilid. Ia ditulis berdasarkan kitab *Fatawa* oleh Imam al-Ramli dan kitab *Kashf al-Litham* oleh Jalal al-Din al-Mahalli. Ketiga-tiga karya yang ditulis dalam Bahasa Melayu ini sangat terkenal di kalangan umat Islam Nusantara dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan umat Islam.

Manakala kajian Saadan Man, Abdul Karim Ali, Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli dan Inarah Ahmad Farid (2009) pula menyetujui pengaruh mazhab ini amat sinonim dengan jiwa masyarakat sehingga membawa kepada satu perasaan tidak selesa apabila terdapat unsur-unsur pengaruh mazhab lain yang cuba dibawa masuk ke dalam kehidupan beragama masyarakat Melayu. Kecenderungan ini seterusnya menyerap masuk menjadi dasar asas dalam pembentukan kurikulum Pendidikan Islam khususnya bidang Syariah yang melibatkan perbahasan hukum hakam amalan seharian.

Metodologi kajian

Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan signifikan penghayatan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia. Rujukan terhadap hukum hakam berorientasikan mazhab Syafie menunjukkan bahawa prinsip dan pegangan mazhab Syafie sebagai sumber rujukan telah sebatu dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Kajian menerusi kaedah penyelidikan kualitatif ini akan menentengahkan faktor-faktor signifikan penghayatan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam Malaysia. Penulisan melalui kajian perpustakaan ini akan meneroka sebahagian daripada faktor-faktor penting yang menyumbang kepada peranan utama mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia. Selain daripada melakukan penerokaan terhadap keistimewaan kaedah dan metodologi yang diguna pakai mazhab Syafie dalam proses perletakan hukum hakam, kajian ini akan menjelaskan faktor-faktor signifikan penghayatan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia.

Kaedah perletakan hukum Hakam dalam mazhab Syafie

Keistimewaan dan ketinggian nilai hukum hakam yang digariskan dalam mazhab Syafie adalah terletak pada metode perletakan hukum yang mengutamakan rujukan al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas, perkataan sahabat, pandangan para tabiin dan imam serta pentafsiran menurut bahasa dan kesusasteraan masyarakat Arab, kenyataan ini diakui oleh Imam Abu Zuhrah (1998):

وقد سلك الإمام الشافعي رحمه الله ذلك المسلك القويم، فهو يستعين بالاستنباط من القرآن و السنة، وإلا تكن سنة بين يديه حاضرة، استعان بأقوال الصحابة في وفاتهم و خلافهم، وان لم يكن قول صحابي استعان بالأسلوب العربي، والرأي، والقياس.

Sumber-sumber rujukan yang telah dinyatakan membentuk satu gagasan hukum hakam yang mantap dan lengkap. Mazhab Syafie meletakkan al-Quran dan Sunnah pada level yang setara dan kedua-duanya merupakan sumber utama dalam syariat Islam. Menurut beliau sumber-sumber yang lain hanya diadaptasi daripada kedua-dua sumber ini dan menganggap al-Quran dan Sunnah adalah bersumberkan daripada Allah swt. Firman Allah:

وما ينطق عن الهوى إن هو إلا وحي يوحى

Terjemahan: "dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Quran) menurut kemauan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)".

Rujukan mazhab Syafie bersumberkan hadith pula hanyalah mengutamakan pemilihan hadith yang benar-benar sahih. Ini penting bagi memastikan hukum hakam yang diputuskan bertepatan dengan kehendak Allah swt. Imam Baihaqi dan sahabat-sahabatnya mentarjihkan bahawa mazhab Syafie meletakkan perkataan para sahabat Rasulullah saw sebagai sumber hukum. Menurut riwayat Imam al-Rabi', Imam Syafi'i pernah berkata: "*yang menjadi dasar hukum adalah al-Quran, sunnah, ijmak atau perkataan beberapa sahabat*".

Terdapat dua pandangan disisi Imam Syafi'i berkaitan perkataan sahabat yang sezaman dengan penurunan wahyu. Pertama, perkataan sahabat yang sama dengan al-Quran dan sunnah dan perkataan sahabat seperti ini boleh dijadikan pegangan. Kedua, jika tidak terdapat perkataan sahabat yang menyamai kandungan al-Quran mahupun sunnah, maka Imam Syafi'i akan memilih salah satu daripada perkataan sahabat yang sesuai untuk diqiyaskan, dengan syarat perkataan sahabat tersebut tidak bertentangan dengan *nas*.

Manakala sumber ijmak dan qiyas pula merupakan urutan ketiga dalam penyusunan *usul al-'Ilm* selepas al-Quran dan sunnah. Mazhab Syafie mendahulukan ijmak ulamak diikuti dengan qiyas kerana

qiyas adalah ijtihad perseorangan manakala ijmak merupakan persepakatan ummah atas masalah yang tiada *nas*. Mazhab ini meletakkan empat syarat bagi orang yang ingin melakukan qiyas. Pertama, memiliki pengetahuan tentang hukum-hukum dalam al-Quran dan segala hal-hal yang berkaitan dengan fardhu, syariat, akhlak, nasikh mansukh, yang umum, khusus dan lain-lain. Kedua, memiliki pengetahuan tentang sunnah, pendapat ulamak salaf dan perbezaan pendapat di kalangan ulamak. Ketiga, memiliki pengetahuan bahasa Arab, dapat memahami maksud sesuatu perkataan dan maksud-maksud *nas* yang akan diqiyaskan. Keempat, berakal sehat, memiliki daya penilaian yang baik dan berpegang pada ketentuan yang akan menjadi landasan keputusan seseorang.

Selain daripada itu, mazhab Syafie berpandangan bahasa adalah sesuatu yang amat penting dalam agama Allah swt. Melalui pemahaman terhadap bahasa Arab, ketepatan dalam menentukan sesuatu hukum akan dapat dilakukan dengan sempurna. Imam Syafi'i berkata :

"والقرآن يدل على أن ليس في كتاب الله شيء إلا بلسان العرب، قال الله عز وجل ((وكذلك أنزلناه حكماً عربياً)) الآية، فأقام حجته بأن كتابه عربي"

"Al-Quran juga menunjukkan semua yang ada dalam kitab Allah swt berbahasa arab. Allah swt berfirman: ((demikianlah kami menurunkan al-Quran itu sebagai peraturan yang benar dalam bahasa arab))."

Bagi menyempurnakan maksud ini Imam Syafi'i akan menggunakan bantuan syair-syair Arab seperti yang telah dilakukan oleh Ibn 'Abbas ra. Kepakaran Imam Syafi'i dalam Bahasa Arab diakui oleh para ulamak lain seperti yang terungkap pada kata-kata Abu Hasan al-Zanadi:

"Aku tidak pernah menyaksikan seorang yang paling hebat dalam menggali makna-makna al-Quran dengan menggunakan bahasa sebagai tambahan penjelasannya selain Imam Syafi'i"

Sumber-sumber hukum hakam mazhab Syafie bertunjangkan prinsip-prinsip tersebut secara tidak langsung mempamirkan nilai-nilai ketinggian hukum yang tersendiri ditambah pula dengan kehidupan Imam Syafi'i yang merupakan pengasas kepada mazhab Syafie sendiri menjalani kehidupan yang paling hampir dengan zaman tabiin dan tabi' tabiin, sebuah zaman yang jauh daripada pemikiran *israiliyyat* yang banyak mengisi ruang-ruang pemikiran lain yang muncul selepasnya.

Meneroka perkembangan mazhab Syafie dalam bidang pendidikan Islam

Mazhab Syafie pula telah mendominasi perkembangan Islam di Asia Tenggara khususnya di tiga buah negara iaitu Indonesia, Brunei dan Malaysia. *Fiqh* mazhab Syafie digunakan secara turun temurun untuk menyelesaikan pelbagai persoalan yang bersangkutan dengan kehidupan sehari-hari termasuklah bidang *'ubudiyyah*, bidang *mu'amalah*, bidang pewarisan, bidang pernikahan dan lain-lain. Oleh kerana itu, mazhab Syafie memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran fekah masyarakat Malaysia. Ia berkembang luas dalam sistem pendidikan tradisional Islam di Malaysia sama ada dalam sistem pengajian pondok, masjid, surau ataupun di sekolah-sekolah agama. Mata pelajaran fiqh adalah di antara mata pelajaran yang sangat penting diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks bermazhab Syafie juga digunakan sama ada berbentuk bahasa Melayu klasik dalam tulisan jawi atau bercorak bahasa Arab yang keseluruhannya bermazhab Syafie.

Asas-asas keilmuan menurut ajaran *syafi'iyyah* yang diajar di pondok, surau, masjid, sekolah dan institusi pelbagai peringkat amat popular dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Sikap berpegang kepada mazhab Syafie dalam proses penyampaian ilmu adalah menjadi natijah kepada pengukuhan dan pengembangan mazhab ini. Sebahagian daripada kitab-kitab bermazhab Syafie masih lagi digunakan sebagai buku teks dalam pengajian fiqh di Malaysia sehingga kini terutamanya dalam pengajian halaqah

di pondok, surau, masjid dan sekolah-sekolah agama serta pengajian halaqah di kalangan masyarakat awam mahupun institusi kehakiman.

Selain bidang pembelajaran akidah, bidang pembelajaran *'Ulum Syari'ah* merupakan salah satu cabang utama dalam Pendidikan Islam. Sejak peringkat awal lagi, Pendidikan Islam banyak memberi penekanan terhadap bidang pembelajaran *'Ulum Syari'ah*. Bagi penulis, bidang ini dilihat amat penting kerana ia menghasilkan natijah amalan keagamaan pada diri seseorang pelajar terutama dalam perlakuan amal ibadah seharian. Penulisan buku teks, bahan-bahan pengajaran serta penyampaian isi kandungan pembelajaran dalam bidang ini didominasi oleh ajaran dan pegangan mazhab Syafie.

Elemen-elemen pegangan mazhab Syafie dalam kurikulum ini jelas boleh dirujuk dalam kandungan kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadikan mazhab Syafie sebagai asas dan pegangan rujukan. Pekeliling Iktisas Agama Islam bil. 1/1983 telah mengeluarkan arahan kepada semua guru besar, pengetua-pengetua di sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan guru-guru Pendidikan Islam agar menyampaikan sukatan ilmu-ilmu Pendidikan Islam menurut pandangan aliran mazhab Syafie, petikan pekeling tersebut adalah seperti berikut:

“Sebagaimana yang tuan sedia maklum ajaran agama Islam berasaskan pandangan aliran mazhab Syafie menjadi pegangan rasmi kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan negeri serta masyarakat Islam”.

“Oleh kerana terdapat sebilangan guru-guru agama yang mendapat pelajaran tinggi dari universiti-universiti luar negara dan sebahagian daripada universiti-universiti itu terletak di negara yang menganut ajaran agama Islam mengikut aliran mazhab yang lain daripada mazhab al-Syafie, kemungkinan guru-guru itu menyampaikan pelajaran agama mengikut aliran mazhab yang dipelajarinya”.

“Hal ini jika dibiarkan berlaku di peringkat sekolah dan menengah boleh menyebabkan keadaan kucar kacir mengenai Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah dan boleh menimbulkan fitnah serta perbalahan di antara pihak sekolah dengan masyarakat”.

“Oleh itu, guru mata Pelajaran Agama Islam diwajibkan menyampaikan Pelajaran Agama Islam mengikut sukatan pelajaran yang telah diluluskan serta buku-buku teks yang disenaraikan dengan berpanduan kepada pandangan aliran mazhab Syafie”.

“Selain daripada itu, sekiranya timbul masalah-masalah dan soalan, maka jawapannya hendaklah dihuraikan mengikut pandangan aliran mazhab itu juga”.

Mazhab Syafie didapati bertapak kukuh dan menjadi rujukan penting dalam sistem pendidikan Malaysia sejak Islam mula sampai ke Tanah Melayu. Pelbagai bentuk institusi pengajian didapati meletakkan mazhab Syafie sebagai asas dalam merangka kurikulum Pendidikan Islam. Arahan kepada semua pengetua, guru-guru agama dan pihak berkaitan melalui Pekeliling Iktisas Agama Islam bil. 1/1983 secara jelas menunjukkan anak-anak kecil semasa di bangku sekolah lagi telah dibiasakan dengan hukum hakam amalan beragama menurut mazhab Syafie. Situasi ini memperlihatkan kedudukan mazhab Syafie terus hidup subur setelah diperkukuhkan lagi kedudukannya melalui sistem kurikulum pendidikan Islam di Malaysia.

Faktor-faktor signifikan penghayatan mazhab Syafie dalam kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia turut didorong oleh faktor-faktor berikut:

1. Rujukan mazhab Syafie dalam amalan keagamaan

Amalan keagamaan sesebuah masyarakat amat berkait rapat dengan susur galur sejarah kedatangan Islam pada sesebuah bangsa. Masyarakat Islam di Malaysia telah lama menerima dan mengamalkan ajaran Islam berdasarkan pegangan *ahl sunnah wa al-jama'ah* dari sudut akidahnya, manakala pendekatan mazhab Syafie pula daripada sudut amalan fekahnya. Fahaman dan pegangan kedua-dua aspek ini didapati melahirkan kesan yang baik terhadap kestabilan masyarakat dari segi kerohanian dan persaudaraan sesama Islam.

Faktor-faktor sejarah seperti kedatangan Islam ke Tanah Melayu dengan penyebaran Islam menurut pegangan *Syafi'iyah* telah menjamin suburnya mazhab Syafie sebagai mazhab rujukan utama di Malaysia khususnya dalam masalah hukum hakam keagamaan. Menurut Abdul Rahman Hj Abdullah (1990), Para sarjana Islam telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan perdagangan antara orang Arab dan penduduk Nusantara khususnya Tanah Melayu sejak abad ke-5 sebelum masihi. Kepentingan Nusantara sebagai kawasan perdagangan ini berterusan selepas Islam muncul pada abad ke-7 masihi, manakala pada abad ke-9 masihi pula, pedagang-pedagang daripada Asia Barat ini dikatakan telah menguasai perniagaan 'nanhai', iaitu kawasan Asia Selatan dan Asia Tenggara. Kedudukan peta geografi nusantara yang amat strategik menyebabkan nusantara menjadi bandar persinggahan pedagang-pedagang dalam perjalanan di antara Negara Asia dengan Negara China. Fakta-fakta sejarah ini membuktikan bahawa Nusantara khususnya Tanah Melayu telah menjadi sebuah kawasan yang tidak asing lagi bagi pedagang-pedagang Asia Barat. Faktor perdagangan secara langsung, kecenderungan untuk mencari rezeki Allah swt melalui perniagaan serta tuntutan agama menyampaikan dakwah Islamiah inilah yang membawa ajaran Islam sampai ke benua Nusantara. Sementara itu, Islam yang sampai ke sini pula adalah merupakan Islam yang terikat dengan mazhab sunni yang hukum hakam Islamnya sangat erat dengan mazhab fekah terutama mazhab Syafie, ini menyebabkan norma-norma *Syafi'iyah* tercermin dalam amalan kehidupan sehari-hari masyarakat Islam di Tanah Melayu.

Pengaruh mazhab Syafie dalam kehidupan masyarakat Umat Islam di Asia Tenggara khususnya Malaysia dapat dilihat daripada penggunaan sumber-sumber kitab fekah mazhab Syafie seperti kitab *Minhaj al-Talibin* oleh Imam Muhy al-Din Abu Zakariyya al-Nawawi (1232-1277) yang telah dibawa masuk pada abad ke-13. Selepas kemunduran Pasai sebagai pusat politik, kerajaan Melaka telah mengambil alih peranan tersebut dan didapati pada zaman ini juga karya-karya fekah bermazhab Syafie telah digunakan sebagai rujukan umat Islam dalam masalah hukum hakam fekah, di antaranya ialah kitab *Talkhis al-Minhaj* oleh al-Nawawi, kitab *al-Muhadzab* oleh Abu Ishak al-Shirazi dan juga karya-karya Ibn Hajar al-Haythami. Karya-karya ini dikarang oleh tokoh-tokoh mutakhir ulamak *fukah* 'Syafi'iyah.

Secara tradisinya mazhab Syafie telah diterima oleh masyarakat Islam Malaysia sebagai pegangan, malah ia menjadi tradisi turun temurun yang amat sinonim dengan kehidupan *maani Syafi'iyah*. Situasi ini menyebabkan wujudnya ketidakselesaan apabila terdapat unsur-unsur pengaruh mazhab lain yang cuba dibawa masuk seperti gerakan islah atau reformisme dalam sejarah Melayu Islam di Malaysia. Pegangan kukuh umat Islam di Malaysia terhadap mazhab Syafie tetap utuh walaupun Tanah Melayu pernah berhadapan dengan ideologi lain seperti pengaruh Hindu dan Syiah, namun pelbagai cara terus dilakukan untuk menyekat perkembangan fahaman-fahaman lain di samping berusaha mengekalkan status mazhab Syafie sebagai mazhab rujukan umat Islam sehingga kini.

Rujukan terhadap mazhab Syafie sebagai teras amalan keagamaan dalam kalangan umat Islam Malaysia diperkukuhkan lagi dengan tercatatnya Islam sebagai agama persekutuan. Kenyataan ini jelas disebut dalam perlembagaan perkara 3(1), iaitu agama Islam adalah agama persekutuan di samping kebebasan beragama dijamin dalam perlembagaan iaitu setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing. Perlembagaan ini sekaligus menjamin ketekalan mazhab Syafie terus bertapak kukuh di Malaysia kerana agama persekutuan yang dimaksudkan adalah agama Islam yang merujuk kepada hukum hakam menurut mazhab Syafie.

2. Institusi fatwa dan penguatkuasaan undang-undang menurut mazhab Syafie

Fatwa adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada *fata*, *yaftu*, *fatwan*. *Fatwa* memberi pengertian *ifta'* bermaksud perbuatan yang dikeluarkan oleh seorang alim mengenai hukum-hukum yang bersangkutan dengan hal-hal syariah. Ibn manzur menjelaskan bahawa *futan* dan *fatwa* adalah dua istilah yang digunakan di tempat *al-ifta'* yang bermaksud satu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum, atau satu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh faqih (seorang yang berpengetahuan luas lagi mendalam ilmunya dalam perundangan Islam). Manakala ulamak Melayu Syeikh Idris al-Marbawi menerangkan bahawa perkataan *fatwa* yang berasal daripada bahasa Arab itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menjadi fatwa, iaitu hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti. Fatwa adalah institusi yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat Islam, ia memainkan peranan utama dalam perkembangan undang-undang Islam atau hukum syarak. Pada hari ini, seluruh dunia Islam memberikan perhatian utama terhadap institusi ini dengan mewujudkan *dar al-ifta'* hampir di semua negara-negara Islam.

Pada zaman sahabat, wujud perbezaan pendapat di kalangan para sahabat berpunca daripada perbezaan pemahaman terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran. Perbezaan ini berterusan di kalangan tokoh-tokoh era tabi'in seperti Said Ibn Musayyab, Ibrahim al-Nakha'i, Qatadah dan lain-lain lagi. Fenomena ini menjalar hingga era tab'i tabi'in yang merupakan zaman munculnya tokoh-tokoh besar *mujtahidin* seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal, al-Auza'i, Laith bin Sa'ad, Sufyan al-Thauri dan lain-lain lagi. Perbezaan dan perselisihan ini hakikatnya bukan satu bentuk pertembungan malah ia disifatkan oleh Khalifah 'Umar 'Abd 'Aziz sebagai rahmat kepada sekalian umat Islam seperti dalam ungkapan beliau:

ما يسرني باختلاف أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم، ولو كان قولاً واحداً لكان الناس في ضيق

“*Tidaklah menyukakan saya kelainan pendapat di antara sahabat-sahabat Raslullah saw. Tetapi kalaulah satu pendapat sahaja yang dipegang sudah tentu ramai manusia yang akan berada dalam kesempitan*”.

Perbezaan dan perselisihan yang berlaku pada zaman lampau berbeza dengan para mufti hari ini yang kurang mengalami perselisihan ketara kerana para mufti hari ini adalah mufti yang beriltizam dengan mazhab tertentu seperti mazhab Syafie di Malaysia, kebanyakan mufti adalah *muqalladun* kepada pendapat mazhab yang telah sedia ada.

Menurut Dato' Dr Abdul Monir bin Yaacob (2000), rata-rata ulamak di Malaysia yang mendapat pendidikan di Timur Tengah (Asia Barat) seperti di Mekah dan Mesir mempelajari pelbagai aliran mazhab *fiqh*, namun tumpuan utama diberikan kepada mazhab Syafie. Ulamak ini didapati telah menyebarkan ajaran Islam (fekah) dengan memberi keutamaan kepada mazhab Syafie. Apabila negara Malaysia mencapai kemerdekaan, keseluruhan Undang-Undang Pentadbiran hukum syarak negeri-negeri mengenai undang-undang keluarga Islam pada asasnya adalah mengikut mazhab Syafie. Boleh dikatakan hukum-hukum dan khususnya fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti adalah mengikut mazhab Syafie.

Struktur dan organisasi fatwa mula wujud seiring dengan penubuhan dan penetapan undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu. Secara umumnya, mazhab Syafie telah diletakkan sebagai mazhab rujukan di jabatan-jabatan mufti hampir di semua negeri di Malaysia. Ini menguatkan keutuhan pegangan masyarakat Islam terhadap mazhab Syafie itu sendiri.

Proses penetapan fatwa menurut mazhab Syafie boleh dilihat pada kajian Mohd Nor Hashri (2003), menurut beliau, prosedur pengeluaran fatwa negeri Kelantan di bawah seksyen 36, jemaah ulama kebiasaannya diminta mengikut *qawl* muktamad mazhab Syafie. Manakala hukum perkahwinan di Malaysia kecuali Perlis, secara rasmi telah menjadikan mazhab Syafie sebagai anutan. Untuk memperkuatkan kedudukan mazhab Syafie di beberapa negeri di Malaysia, suatu ketetapan telah dibuat di mana orang-orang yang tidak bermazhab Syafie dilarang untuk duduk dalam Majlis Agama Islam Negeri sebagaimana yang tercermin dalam seksyen 5(6) Majlis Agama Islam Negeri Johor. Majlis bertugas

antara lain ialah bertanggung jawab menyampaikan fatwa kepada masyarakat umum. Kenyataan di atas menggambarkan kedudukan mazhab Syafie yang diberi keutamaan sebagai asas rujukan hukum-hukum dan proses pengeluaran fatwa negeri-negeri di Malaysia. Keutamaan mazhab Syafie sebagai rujukan asas bukan sahaja diwartakan di negeri Kelantan dan Johor malah ia diwartakan juga di negeri-negeri lain seperti di negeri Perak yang boleh dilihat pada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 43 (1) seperti berikut:

“Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie”.

Fatwa yang dikeluarkan oleh jabatan mufti mestilah mendapat perkenan daripada raja-raja atau sultan melalui majlis raja-raja. Ia diwartakan melalui prosedur yang tersusun sekaligus tidak boleh dipertikaikan lagi kerana ia merupakan hukum syarak yang muktamad. Keautoritian fatwa serta kewajipan mematuhi fatwa yang diwartakan ini amat mempengaruhi amalan keagamaan masyarakat Islam di Malaysia. Menurut Zamri Hashim (2011), fatwa-fatwa yang telah diwartakan di Negeri Perak akan mengikat setiap orang tanpa mengambil kira sama ada ia penduduk negeri ini ataupun tidak. Sebarang pelanggaran terhadap pematuhan fatwa-fatwa ini akan mengundang kepada tindakan penguatkuasaan dan hukuman, bahkan setiap orang Islam yang berada di negeri ini wajib mematuhi dan berpegang dengannya. Ini termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

38.(1) Apabila ia disiarkan dalam warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika ia dibenarkan oleh Hukum Syara' untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amala, kepercayaan atau pendapat peribadi.

Fatwa atau pandangan dari jawatankuasa fatwa juga mempunyai autoriti untk menjelaskan hukum-hukum syarak dalam kes-kes yang dibicarakan dalam mahkamah-mahkamah sivil seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

Jika dalam mana-mana mahkamah selain mahkamah syariah apa-apa persoalan tentang hukum syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada mahkamah yang membuat permintaan itu.

Penulisan di atas jelas menunjukkan bahawa peranan institusi fatwa yang cenderung kepada pandangan mazhab Syafie kebanyakannya telah diwartakan sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Negeri hampir kesemua negeri di Malaysia kecuali Perlis. Kenyataan ini secara tidak langsung menzahirkan kecenderungan masyarakat Melayu Islam di Malaysia terhadap amalan-amalan keagamaan menurut pegangan *Syafi'iyah*.

3. Sosio-budaya Islam dalam sosio-budaya masyarakat Melayu

Perkembangan Islam dan budaya sesebuah tamadun tidak dapat dipisahkan, bahkan Islam merangkul budaya sesebuah bangsa bagi menjayakan matlamat tersebut. Menurut Dr Mohd Arshad (2007), sosio budaya ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesebuah masyarakat, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai bidang kehidupan dengan tujuan untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat tersebut. Manakala sosio-budaya Islam pula ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesebuah masyarakat lahir

dari akidah dan petunjuk Islam, bersangkutan dengan akhlak dan pergaulan masyarakat itu dalam berbagai bidang kehidupan mereka, bagi merangsang pembangunan masyarakat berkenaan menurut yang direndahkan Allah swt.

Ustaz Uthman El-Muhammady (2001), turut menjelaskan bahawa kebudayaan Islam atau dalam bahasa Arabnya *al-thaqafah al-Islamiyyah* mencakupi seluruh gaya hidup, cara berfikir, nilai-nilai dan budi pekerti serta sikap dan tindak tanduk seseorang masyarakat muslim. Proses kebudayaan ini berkembang dan ia disuburkan dalam acuan syariat Islamiah dan sunnah Nabi Muhammad saw. Sosio-budaya Islam yang dimaksudkan oleh Ustaz Uthman El-Muhammady ialah:

“Kebudayaan Islam yang dimaksudkan ialah kebudayaan yang zahir batinnya mengikut ajaran Islam atau yang melahirkan cita-cita serta nilai-nilai keislaman. Perlu ditegaskan bahawa aktiviti-aktiviti kebudayaan di kalangan umat Melayu Islam bukanlah semuanya bersifat Islam. Aspek-aspek yang bercanggah dengan ajaran dan amalan Islam itu tidak tergolong dalam kebudayaan Islam. Selain daripada itu, penting juga diingatkan bahawa agama Islam dalam ertikata yang dibawa oleh Baginda saw adalah bukan kebudayaan. Ini kerana hakikat yang diwahyukan Allah swt bukan ciptaan manusia sebaliknya daripada perintah Allah swt sendiri. Erti kebudayaan itu ialah cara hidup dan cara berfikir serta nilai-nilai dan institusi-institusi yang terbentuk dalam acuan syariat dan sunnah.”

Kedatangan Islam ke Nusantara telah banyak mengubah struktur kebudayaan tempatan masyarakat, namun tidak semua nilai-nilai yang lama itu diganti sepenuhnya. Sebagai sebuah agama yang fleksible dan universal, Islam tidak mempunyai dasar untuk menghapuskan atau menekan kebudayaan tempatan yang telah bertapak. Senario ini jelas dilihat ketika Islam mula bertapak di Hijaz, Islam tidak menghapuskan kesemua budaya kehidupan jahiliyah secara total, sebaliknya sebahagian sahaja yang dihapuskan dan sebahagian lagi diberi pendekatan baru, malah ada yang terus dikekalkan.

Tradisi kebudayaan Islam seperti memuliakan kedudukan ibubapa, menghormati orang-orang tua, mengasihi orang yang lebih muda dan lain-lain lagi telah sebatu dalam kehidupan tradisi dan budaya masyarakat Melayu. Perubahan bentuk kehidupan masyarakat Melayu yang semakin hari semakin maju dan moden tidak banyak mencairkan budaya tradisi kemasyarakatan ini. Keakraban ini dapat dilihat pada pegangan adat dan kata-kata turun temurun masyarakat Melayu : *“hidup bersendikan adat, adat bersendikan hukum dan hukum bersendikan kitab”*. Kata-kata ini jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran Islam telah sebatu dalam kehidupan masyarakat Melayu dan ia telah menjadi suatu bentuk sendi yang penting dalam tradisi masyarakat Melayu.

Kajian sejarah telah menunjukkan bahawa Melayu dan Islam merupakan dua perkataan yang amat sinonim dalam realiti kehidupan masyarakat Islam Malaysia. Agama Islam diterima sebagai agama persekutuan kerana ia amat bersesuaian dengan takrif Melayu sebagai seseorang yang beragama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Undang-undang Malaysia telah menjamin keistimewaan orang Melayu seperti perkara 153 Perlembagaan Malaysia Artikel 53 menjelaskan Perlembagaan Malaysia memberikan tanggungjawab kepada Yang Di Pertuan Agong menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia, secara kumpulannya dirujuk sebagai Bumiputera. Artikel ini mengspesifikasikan bagaimana kerajaan pusat melindungi kepentingan ini dengan mendirikan kuota kemasukan dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam. Ia juga biasanya dianggap sebahagian daripada kontrak sosial dan sebagai pertahanan legal bagi ketuanan Melayu dan kepercayaan orang Melayu bahawa mereka adalah penduduk asal Malaysia.

Menurut Nazri Muslim (2011), Peruntukan perlembagaan mengenai agama Islam adalah merupakan unsur tradisi dan perkembangan sejarah Melayu dalam konsep pemerintahan beraja. Perkataan Islam amat sinonim dengan orang Melayu dan sukar untuk menerima kenyataan bahawa orang Melayu itu bukan beragama Islam. Intimnya hubungan di antara Melayu dan Islam itu sehingga diberi definisi oleh orang Melayu dalam perlembagaan iaitu salah satunya orang Melayu tersebut mestilah beragama Islam.

Mengaitkan agama sepenuhnya dengan bangsa ini adalah asas kepada fikiran orang Melayu sehingga agama Islam telah menjadi suatu unsur penting dalam definisi 'Melayu' menurut undang-undang dan perlembagaan.

Kajian Zainal Kling (1986), menunjukkan kekerabatan dan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai gambaran sebuah sistem masyarakat dan kebudayaan yang bertemu dengan prinsip-prinsip Islam di mana terdapat perkaitan dan titik-titik pertemuan di antara hal ehwal pernikahan dalam Islam dengan amalan budaya masyarakat Melayu. Mengiklan dan mempamerkan perkahwinan kepada masyarakat adalah merupakan suatu bentuk penyaksian sepasang suami isteri yang sudah memiliki pertalian pernikahan yang sah. Kajian Prof Dr Zainal Kling (1986) memperlihatkan adanya variasi pertemuan mesra antara sistem Melayu dengan prinsip Islam. Apa yang mahu dijelaskan oleh Prof Dr Zainal Kling sebenarnya adalah:

“Segala perbelanjaan besar yang diperuntukkan dalam upacara perkahwinan masyarakat Melayu sebenarnya mempunyai makna dan fungsi yang wajar dalam Islam. Jikalau upacara mengadakan walimah al-‘urus itu dituntut oleh Nabi saw supaya ‘sekurang-kurangnya memotong seekor kambing’ (hadith riwayat Bukhari dan Muslim dikutip dalam H.Idris Ahmad, Fiqh Syafi’i, i : 313), maka tidak ada persoalan jika upacara berbelanja besar, jika ia memenuhi fungsi atau hikmah yang besar seperti memberi makan orang miskin atau untuk mengeratkan tali persaudaraan Islam melalui jamuan antara jiran sekampung. Apa yang dilarang ialah upacara menunjuk-nunjuk (riya’) dan membataskan kepada golongan berada sahaja atau sengaja mahu membazir.

Kesimpulan

Penulisan lalu menunjukkan bahawa bidang Pendidikan Islam di Malaysia adalah bertunjangkan ajaran dan pegangan mazhab Syafie. Keadaan ini membentuk dan mempengaruhi minda masyarakat untuk terus teguh mengamalkan ajaran Islam berpandukan hukum hakam mazhab Syafie. Prinsip dan pegangan menurut mazhab Syafie ini telah lama berakar umbi semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Mazhab Syafie diiktiraf sebagai mazhab teras dan rujukan utama dalam setiap permasalahan yang timbul. Faktor-faktor seperti perletakan mazhab Syafie sebagai mazhab rasmi Negara dan institusi fatwa yang mengeluarkan hukum hakam menurut pegangan mazhab ini secara langsung mendorong menjadikannya sebagai sumber rujukan dalam Pendidikan Islam. Penerimaan mudah ini ditambah pula dengan tradisi sosio budaya Melayu yang sememangnya sinonim dengan sosio budaya Islam, sementara sosio budaya Islam yang dibawa oleh umat Melayu Malaysia adalah berteraskan kepada ajaran mazhab Syafie. Faktor-faktor ini memberi sumbangan penting terhadap signifikan mazhab Syafie dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia.

Rujukan masyarakat terhadap karya-karya ini dalam amalan seharian menyebabkan sentimen mazhab Syafie makin menebal dan menyebabkan masyarakat terdedah secara langsung dengan doktrin ajaran dan pemikiran mazhab Syafie. Semakin lama, pegangan terhadap mazhab Syafie ini ia semakin menebal dalam kalangan masyarakat Melayu Islam, malah mazhab Syafie dilihat turut menjadi rujukan asas dalam pelbagai institusi dan jabatan di Malaysia termasuklah kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Orentasi hukum hakam berasaskan mazhab Syafie menjadi asas penting dalam pembentukan sukatan dan kandungan kurikulum subjek Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Standard kurikulum merujuk kepada mazhab ini dilihat memainkan peranan penting dalam pembentukan keseragaman amalan keagamaan umat Islam di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Monir bin Yaacob (2000) *Maqasid Syar'iyah* (2000) Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum. In: *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Auni Haji Abdullah (2005) *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Darul Fikir Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1990) *Pemikiran Umat Islam Dd Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Hadi Muthohhar (2003) *Pengaruh Mazhab Syafi'i di Asia Tenggara*. Aneka Ilmu, Semarang.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (2004). Available from: <http://dppwp.wordpress.com/usrah/pembangunan-sistem-sosio-budaya-islam-dalam-kontek-masyarakat-Malaysia>.
- Mohamad Lutfi Md Latib (2013). *Mazhab Imam Asy-Syafie*. Pustaka Azhar, Selangor.
- Mohd Arshad Hj Taib Prof. Dr. (2007). *Pembangunan Sistem Sosio-Budaya Islam Dalam Kontek Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Mohd Nor Hashri bin Junoh (2003) *Analisis Pendekatan Ijtihad dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Abu Zuhrah (1998) *Al-Syafi'i Hayatuhu wa 'Asruhu*. Dar al-Syuruq, Kaherah.
- Nazri bin Muslim (2011) *Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia: Kajian ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(3).
- Saadman, Abdul Karim Ali, Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli, Inarah Ahmad Farid (2009) *Kesesuaian Pemikiran Dan Amalan Mazhab Selain Syafi'i Dalam Masyarakat Islam Malaysia : Satu Analisis Awal*. Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Uthman El-Muhammady (2001) *Pembangunan Seni dan Budaya Mengikut Perspektif Islam*. In: *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Perspektif Malaysia*. Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, Kuala Lumpur.
- Zainal Kling Prof Dr. (1986). *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu: Penyesuaian Budaya Islam Di Alam Melayu*, Kertas Kerja Seminar Islam Dan Kebudayaan Melayu II, Anjuran Institut Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Bangi Selangor.
- Zaki Badawi MA (1992) *Pendidikan Islam Tradisioal – Tujuan dan Maksudnya Hari Ini*. In: *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zamri Hashim (2011) *Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-fatwa Negeri Perak 1994-2010*. Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.